

Malaysian Re (Dubai) Ltd.

Keperluan untuk pengembangan dan pertumbuhan portfolio perniagaan luar negara telah menjana Kumpulan untuk mengembangkan sayapnya ke pasaran Timur Tengah, lantas melahirkan Malaysian Re (Dubai) Ltd.

Ia merupakan sebuah subsidiari milik penuh Malaysian Reinsurance Berhad, dan diperbadankan pada 7 Disember 2006 serta dilesenkan di bawah undang-undang Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC), dan dikawal atur oleh Autoriti Perkhidmatan Kewangan Dubai (DFSA).

Fungsi utamanya adalah untuk meningkatkan dan mengembangkan perhubungan dengan klien yang sedia ada dan berpotensi di pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA), wilayah yang Kumpulan rasakan mempunyai potensi yang amat luas. Ia juga akan membantu untuk menggalakkan penjenamaan Malaysian Re sebagai sebuah syarikat insurans semula antarabangsa yang diiktiraf dan mempunyai reputasi yang dihormati.



Mohd Sahimy Man

Mohd Sahimy Man adalah Pegawai Eksekutif Kanan Malaysian Re (Dubai) Ltd. Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam industri insurans am dan insurans semula dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa syarikat insurans dan insurans semula tempatan dan antarabangsa. Sebelum berkhidmat dengan Kumpulan MNRB pada Oktober 2006, beliau adalah Pengurus Kanan / Pegawai Eksekutif Kanan Ganti bagi Swiss Reinsurance Company, Cawangan Kuala Lumpur dan Pengurus Besar MNI Offshore Insurance (L) Limited.